

Transendensi dalam Novel *Advencer Si Peniup Ney* Karya Faisal Tehrani

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 257-271
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 17 July 2025
Accepted: 15 August 2025
Published: 6 September 2025

[Transcendence in the Novel *Advencer Si Peniup Ney* by Faisal Tehrani]

Mohamad Yazid Abdul Majid,¹ Khazri Osman,^{2*} Rosni Samah,¹ Aishah Isahak,¹
Wan Azura Wan Ahmad¹ & Hanis Sofiya Mohd Solihin¹

- 1 Program Bahasa Arab dan Kesusasteraan Islam, Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.
E-mail: yazidmajid@usim.edu.my; rosni@usim.edu.my; aishah_isahak@usim.edu.my; wanazura@usim.edu.my; sofiyafida123@raudah.usim.edu.my
- 2* Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bandar Baru Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: khazri@ukm.edu.my

*Corresponding Author: khazri@ukm.edu.my

Abstrak

Makalah ini membincangkan sebuah novel berjudul *Advencer Si Peniup Ney* karya Faisal Tehrani yang mengungguli tempat pertama Kategori Novel Remaja dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2004. Kisah pengembaraan dakwah seorang remaja lelaki bersama-sama sekumpulan 40 jin ke negeri Fantasia yang sedang menuju kehancuran lantaran dilanda budaya hedonisme menjadi persoalan yang diangkat dalam karya ini. Bagi meneliti sebuah novel remaja yang dihasilkan oleh seorang pengarang mapan yang prolifik menghasilkan karya-karya sastera berunsur Islam, sebuah gagasan “sastera Islam” yang diutarakan oleh Kuntowijoyo dari Indonesia dijadikan sebagai kerangka analisis. Gagasan tersebut iaitu Gagasan Sastera Profetik yang bertitik tolak dari ayat 110 surah Ali Imran menggariskan tiga etika, iaitu *humanisasi* (*amar makruf*), *liberasi* (*nahi mungkar*) dan *transendensi* (keimanan kepada Allah) sebagai tunjangnya. Gagasan Sastera Profetik memilih pendekatan strukturalisme bagi membolehkan penerapan ajaran sosial yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah dimanfaatkan untuk konteks sosial zaman kini. Menurut Kuntowijoyo lagi, sekiranya ketiga-tiga etika Profetik ditemui terkandung dalam sesebuah karya, maka karya tersebut dianggap mencapai *kaffah* yang membawa maksud menyeluruh atau memiliki keutuhan. Namun makalah ini hanya akan memfokuskan kepada etika *transendensi* sahaja. Dapatan analisis kajian memperlihatkan novel ini sebagai sebuah karya sastera moden yang memiliki etika *transendensi* yang menjadi tuntutan dalam sebuah karya sastera Profetik.

Kata kunci: Faisal Tehrani; Kuntowijoyo; Profetik; transendensi

Abstract

This paper discusses a novel titled *Advencer Si Peniup Ney* by Faisal Tehrani, which won first place in the Youth Novel Category of the 2004 Utusan Literary Award. The story presents a young man's da'wah journey alongside a group of 40 jinn to the land of Fantasia, a nation on the brink of destruction due to the influence of hedonistic culture. To examine this youth novel by an established and prolific author known for Islamic-themed literature, the framework of "Islamic literature" proposed by Kuntowijoyo from Indonesia is employed. This concept, known as the Gagasan Sastera Profetik, is based on verse 110 of Surah Ali Imran and outlines three core ethics: humanisation (*amar ma'ruf*), liberation (*nahi munkar*), and transcendence (faith in Allah) as its foundation. The Prophetic Literature framework utilises a structuralist approach to allow the social teachings found in the Qur'an and Sunnah to be applied to contemporary social contexts. According to Kuntowijoyo, if all three

prophetic ethics are present in a literary work, the work may be considered to have achieved *kaffah*, meaning holistic or possessing integrity. However, this paper focuses solely on the ethic of transcendence. The findings of the analysis reveal that the novel represents a modern literary work that upholds the ethic of transcendence, which is essential in prophetic literature.

Keywords: Faisal Tehrani; Kuntowijoyo; Prophetic; transcendence



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Mohamad Yazid Abdul Majid, Khazri Osman, Rosni Samah, Aishah Isahak, Wan Azura Wan Ahmad & Hanis Sofiya Mohd Solihin. (2025). Transendensi dalam Novel Advencer Si Peniup Ney Karya Faisal Tehrani [Transcendence in the Novel Advencer Si Peniup Ney by Faisal Tehrani]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 257-271.

Pengenalan

Gagasan Sastera Profetik dikemukakan buat pertama kali oleh Kuntowijoyo dalam tulisannya, “Saya kira kita memerlukan juga sebuah sastra transendental” (Wan Anwar, 2007: 153). Tulisan dalam bentuk makalah ringkas itu dibentangkannya dalam program Temu Sastra pada 6-8 Disember 1982 di Taman Ismail Marzuki, Jakarta. Pada awalnya Kuntowijoyo menamakannya “Sastera Transendental”, walau bagaimanapun istilah itu mengalami transformasi dan akhirnya “dimuktamadkan” penggunaannya oleh Kuntowijoyo sebelum kematiannya menerusi buku terakhirnya, *Maklumat Sastra Profetik* (2006). Gagasan janaan Kuntowijoyo itu mendapat reaksi yang positif dan menggalakkan daripada khalayak sastra di Indonesia, malah kemudiannya merangsang pula kemunculan beberapa gagasan sastra Islam yang lain seperti Sastera Pencerahan yang diajukan oleh Danarto, Sastera Terlibat Luar Dalam oleh M Fudoli Zaini, dan Sastera Profetik oleh Abdul Hadi WM. Menurut Mohd Faizal Musa (2012:168), dalam perkembangan sastra Islam di Indonesia, berbanding gagasan lain, gagasan Sastera Transendental (kini disebut Sastera Profetik) mendapat sambutan yang paling hangat dalam kalangan warga sastra di negara tersebut.

Kuntowijoyo (1942-2005) merupakan salah seorang sasterawan terkemuka di Indonesia. Beliau yang dilahirkan di Yogyakarta memulakan karier penulisannya menerusi novel bersirinya berjudul *Kereta Api yang Berangkat Pagi Hari* yang terbit di harian Jihad sekitar tahun 1966 (Kuntowijoyo, 2006:117). Walaupun berupaya berkarya dalam pelbagai genre, namun beliau ternyata lebih menyerlah dalam genre cerpen. Penekanan Kuntowijoyo terhadap kearifan tempatan dalam kesusasteraan berperanan penting dalam memperkukuh jati diri kebangsaan serta memelihara warisan budaya. Penekanan ini sesuai dalam konteks pendidikan, khususnya bagi mengintegrasikan nilai-nilai tempatan ke dalam kurikulum sebagai usaha menandingi dominasi pengaruh budaya asing (Besse Darmawati et al. 2024).

Selain dikenali sebagai sasterawan, Kuntowijoyo juga merupakan budayawan, sejarawan dan pakar sosiologi yang disegani di peringkat nasional dan antarabangsa. Beliau mendapat pendidikan dalam bidang sejarah sehingga beroleh ijazah doktor falsafah dalam

bidang tersebut dari Universiti Columbia, Amerika Syarikat. Selanjutnya, Kuntowijoyo menerima Hadiah Seni daripada Pemerintah Daerah Istimewa Yogyakarta pada tahun 1986, dan kemudiannya dianugerahkan SEA Write Award oleh kerajaan Thailand pada tahun 1999 (Wan Anwar, 2007:2-4). Karya-karya Kuntowijoyo sering mencerminkan tradisi etnopoetik Indonesia, khususnya dari Jawa Timur. Kesusasteraannya menonjol dengan tema dan estetik yang unik kepada wilayah tersebut, menggabungkan kearifan tempatan, amalan budaya dan nilai-nilai sosial. (Manuaba et al, 2024). Penekanan Kuntowijoyo terhadap kearifan tempatan dalam kesusasteraan banyak membantu menguatkan jati diri bangsa dan memelihara warisan budaya. Hal ini jadi lebih penting dalam dunia pendidikan, di mana nilai-nilai tempatan perlu dimasukkan ke dalam kurikulum untuk mengimbangi pengaruh budaya asing yang semakin kuat. Meskipun sepanjang dan selepas zaman Orde Baru, kesusasteraan Indonesia berdepan tekanan untuk dikomersialkan. Dasar rejim terhadap Islam telah menimbulkan rasa curiga antara pemerintah dan umat Islam. Kesusasteraan pada zaman ini banyak mencerminkan ketegangan serta pengawasan terhadap amalan dan pendidikan Islam (Siraj, 2019). Namun, penulis seperti Kuntowijoyo tetap berjaya menemukan ruang dalam karya mereka untuk menolak pengaruh luar dan menjaga maruah budaya (Salam, & Zamzuri, 2023).

Gagasan Sastera Profetik yang digagaskan oleh Kuntowijoyo akan diterapkan sebagai kerangka untuk menganalisis novel *Advencer Si Peniup Ney* yang ditulis oleh Mohd Faizal Musa atau nama penanya, Faisal Tehrani. Dilahirkan pada 7 Ogos 1974 di Kuala Lumpur dan dibesarkan di Melaka, seterusnya mendapat pendidikan menengah di SMKA Sultan Muhammad, Melaka (1987-1989) dan Kolej Islam Sultan Alam Shah (1990-1991) sebelum meraih ijazah pertamanya dalam bidang Syariah Politik di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 1996. Faisal kemudiannya menekuni bidang sastera bandingan dan beroleh ijazah Sarjana Sastera (1998) di Universiti Sains Malaysia dan Doktor Falsafah (2010) di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Faisal menulis dalam pelbagai genre seperti cerpen, novel, puisi, drama pentas, lakon TV dan esei. Puisinya pertama kali tersiar di akhbar *Harakah* sekitar tahun 1990 berjudul “Melayu Malaysia Melayu Singapura”. Cerpennya yang pertama berjudul “Anastasia” tersiar dalam majalah *Muslimah* pada tahun 1992 (Faisal Tehrani, 2008). Dua novel terawalanya iaitu *Musim Dingin Terakhir* dan *Cinta Hari-hari Rusuhan* diterbitkan oleh Creative Enterprise pada tahun 2000. Namun genre cerpen dan novel ternyata lebih menyerlahkan nama Faisal sebagai pengarang yang prolifik dan berkaliber malah kerap memenangi sayembara penulisan di peringkat nasional. Pada 2006, Faisal menerima Anugerah Seni Negara dari Kerajaan Malaysia yang mengiktiraf sumbangannya dalam bidang kesenian dan kesusasteraan tanah air.

Antara hadiah sayembara penulisan yang dimenangi oleh Faisal Tehrani seperti Hadiah Sastera Siswa DBP-Bank Rakyat pada tahun 1994 menerusi cerpen bertajuk “Malam ini Philadelphia Menangis”. Seterusnya, Faisal mengungguli sayembara Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank menerusi cerpen “Anak” dan “Opah” (1994), “Pemberontakan Kedua” (1995), “Perempuan Anggerik” dan “Api KL Belum Terpadam” (1996), “Cinta Gendang Kasturi” (1998) dan “Bulan dan Wira” (1999). Faisal turut meraih kemenangan dalam Hadiah Karya Bestari anjuran majalah sastera Karya menerusi cerpen yang dihasilkannya berjudul “Surat Untuk Gabe 1” (1997).

Selain mencapai kejayaan menerusi penulisan cerpen, Faisal Tehrani turut meraih kejayaan dalam pelbagai sayembara menulis novel. Antaranya, Peraduan Menulis Novel

Remaja dalam Hadiah Sastera Kumpulan Utusan menerusi novelnya “1515” (2002) “1511H [Kombat]” (2003), serta “Advencer Si Peniup Ney” dan “Detektif Indigo” (2004). Novel *1515* yang memenangi tempat pertama bagi Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2002/2023 telah dijadikan sebagai buku teks kepada mahasiswa Pengajian Melayu di Universiti Cologne, Jerman. Antara novel lain yang ditulis oleh Faisal seperti *Rahsia Ummi*, *Maaf dari Sorga*, *Detektif Indigo Kembali*, *Ikan Fugu*, *Lukisan dan Jimson*, *Tunggu Teduh Dulu*, *Ketupat Cinta*, *Nama Beta Sultan Alauddin*, *Sebongkah Batu di Kuala Berang*, *Bahlut*, *Perempuan Nan Bercinta*, *Saasatul Ibaad*, *Bila Anyss Naik ke Langit*, *Profesor*, *Koro* dan *Kegawatan*. Beberapa novelnya juga diterjemahkan ke bahasa Inggeris seperti *1515*, *Bedar Sukma Bisu*, *Profesor* dan *Koro*. Bermula 2011, Faisal menjawat jawatan sebagai Felo Kanan di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Oleh yang demikian, memadai sekiranya dikatakan bahawa sebagai seorang sasterawan, Faisal memiliki keistimewaan dan kredibilitinya yang tersendiri. Ini merujuk kepada ketokohnya sebagai seorang pengarang, selain kualiti yang terserlah dalam karya-karyanya. Keistimewaan ini penting untuk dizahirkan dalam usaha memahami kesignifikan *Advencer Si Peniup Ney* yang menjadi bahan dalam kajian ini.

Tinjauan Literatur

Kesusasteraan termasuk novel, bukan sahaja mencerminkan budaya tetapi turut membentuk watak, norma serta menyumbang kepada perkembangan budaya dan pemikiran masyarakat (Nathan, 2013). Novel membantu pembaca mengenali dunia luar, memahami budaya berbeza, dan menimbulkan rasa empati. Melaluinya, pembaca lebih mudah menilai kehidupan dan menyelami isu sosial yang rumit (Hodgett, 2021). Novel lazimnya menggambarkan norma, nilai dan konflik yang wujud dalam masyarakat (Pooryazdanpanah & Rezvani). Kesusasteraan dan Islam sukar dipisahkan. Hal ini demikian kerana sastera boleh dijadikan sebagai wasilah dalam dakwah khususnya ketika menghadapi golongan sasaran yang meminati bidang ini. Novel yang mempunyai ciri-ciri Islam sering menggambarkan amalan keagamaan sebagai sebahagian daripada kehidupan harian watak, dengan menekankan nilai seperti kemurahan hati, penghormatan terhadap hierarki sosial, serta pematuhan kepada norma etika dan moral yang berlandaskan agama (Andalas & Sugiarti, 2024). Novel yang memuatkan pengisahan semula ayat al-Quran dan hadis, dapat membantu mendekatkan pembaca dengan Kalam Allah SWT (Frolova, 2024).

Novel *Advencer Si Peniup Ney* setebal 243 halaman yang diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors merupakan karya Faisal yang mengangkat kisah pengembaraan seorang pemuda bernama Sulaiman Hilmi berusia 18 tahun bersama sekumpulan 40 ekor jin remaja ke negeri Fantasia yang lokasinya di atas awan. Jin-jin Islam yang mengiringinya itu bimbang kerana generasi muda di negara mereka semakin rosak iman dan akhlaknya akibat pengabaian akidah serta dihinggapinya budaya hedonisme melampau, justeru mereka terpaksa meminta bantuan Sulaiman Hilmi untuk melakukan islah di sana. Atas nama muzik dan *souti sarmad* (sejenis muzik yang membawa pendengarnya kembali kepada destinasi akhir dalam kehidupan iaitu Allah), Sulaiman berjaya bertapak di Fantasia sebagai salah seorang peserta

pertandingan hiburan yang menjadi kegilaan penduduknya. Konsert sulung yang disertai Sulaiman telah melonjakkan namanya. Puteri kepada Raja Jin Bertindik Satu sangat terpuakau dengan ketampanan Sulaiman lalu meminta ayahandanya memastikan Sulaiman menjadi guru kelas muziknya. Berbekalkan kekuatan dan hubungannya dengan Allah, beliau sentiasa diberi ilham dalam menyelesaikan masalah. Namun akhirnya Sulaiman terhantar ke penjara setelah diperangkap oleh fitnah yang sengaja direka oleh Puteri Simone Siddhara yang berasa terhina setelah cintanya ditolak oleh Sulaiman. Di dalam penjara, dakwahnya tidak terhenti sebaliknya Sulaiman terus menyebarkan dakwahnya. Sebuah pesawat *Boeing* tiba-tiba telah merempuh kota Fantasia menyebabkan tragedi dahsyat yang menyaksikan kematian Raja Jin Bertindik Satu. Setelah ditimpa musibah tersebut, keseluruhan penduduk jin akhirnya insaf dan bertaubat, lalu negeri Fantasia ditukar namanya kepada negeri al-Hidayah. Selanjutnya Sulaiman meneruskan kembara dakwahnya ke tengah samudera bertemu jin laut, iaitu Andak dan Mahajara Tenggiri yang belum pernah mendengar tentang Islam. Lantaran Sulaiman berjaya menyembuhkan Maharaja Tenggiri yang gering, mereka dibenarkan menyebarkan dakwah Islam di negara tersebut.

Sebagai pemenang pertama peraduan novel remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2004, kelebihan atau keistimewaan *Advencer Si Peniup Ney* dinyatakan dalam Laporan Panel Hakim sebagaimana berikut:

“Mengangkat kisah pengembaraan untuk menegakkan nilai kebenaran dalam hubungan sesama makhluk, dan hubungan antara makhluk dengan penciptanya, karya ini meneroka salah satu kaedah pemantapan rohani, iaitu genre muzik Islam. Berdasarkan hubungan makhluk (watak manusia dan alegori watak jin) dengan penciptanya, karya ini menampilkan suatu pembaharuan dalam genre novel remaja. Karya ini disifatkan sebagai karya yang "jauh" kerana berlatarkan negeri jin, tetapi corak pengolahan yang dikemukakan dan permasalahannya "dekat" dengan pembaca. Walau bagaimanapun, alam jin hanya bersifat alegorikal, bukannya latar yang ditampilkan secara harfiah. Karya ini sinis menampelak gaya hedonisme anak muda yang tercemar akhlaknya lantaran asyik dengan hiburan yang bertentangan dengan Islam.” (2005: xxxiii)

Ani Awang (2005) dalam *Ruangan Sastera Utusan Malaysia* bertarikh 16 Mei 2005 memuji novel *Advencer Si Peniup Ney* dan pengarangnya yang dianggap amat berani menongkah arus, mengkritik Barat yang menggunakan kesenian untuk melalaikan remaja Islam; selanjutnya menyarankan budaya hiburan hendaklah berteraskan kembali kepada gaya Islam dan bukannya gaya Barat. Selain itu *Advencer Si Peniup Ney* juga mendapat perhatian sarjana sastera tanahair seperti penggiat sastera yang lain apabila diadaptasi ke drama pentas sebagai Teater Perdana DBP 2011. Novel ini juga telah diterbitkan semula pada April 2025 oleh Jejak Tarbiah.

Mengacukan gagasan Sastera Profetik janaan Kuntowijoyo terhadap *Advencer Si Peniup Ney* karya Faisal dapat diujahkan sebagai satu ikhtiar kecil bagi memperkukuh teori sastera Islam di Nusantara. Sebagaimana yang telah dinyatakan terdahulu, Kuntowijoyo merupakan susuk penting di Indonesia yang bertanggungjawab mencetuskan kembali minat terhadap sastera Islam. Manakala Faisal, meskipun tidak mengutarakan sebarang wacana atau

gagasan berkaitan sastra Islam seperti Shahnnon Ahmad, Mana Sikana, Mohd Affandi Hassan, dan Shafie Abu Bakar, namun sumbangannya dalam memperkaya karya-karya sastra Islam di Malaysia tidak dapat dinafikan. Antara novel Faisal yang dianggap memenuhi ciri-ciri karya sastra Islam seperti novel bersirinya *Tunggu Teduh Dulu*, serta *1515, 1511H (Kombat)*, dan *Advencer Si Peniup Ney* yang memenangi tempat pertama Hadiah Sastra Kumpulan Utusan 2002, 2003 dan 2004.

Gagasan Sastra Profetik

Cetusan awal idea gagasan Sastra Profetik berpunca dari ungkapan penyair Pakistan, Muhammad Iqbal dalam bukunya, *The Reconstruction of Religious Thought in Islam* (1966) yang kemudiannya diterjemahkan ke bahasa Indonesia dengan judul, *Pembangunan Kembali Alam Pikiran Islam* (1988). Dalam buku tersebut, menurut Kuntowijoyo (2006: 8), Iqbal telah memetik kata-kata seorang sufi bernama Abdul Quddus dari Ganggah yang mengagumi Nabi Muhammad SAW dalam peristiwa Isra' dan Mikraj "Muhammad dari jaziratul Arab telah mi'raj ke langit yang setinggi-tingginya dan kembali. Demi Allah aku bersumpah bahawa sekiranya aku sampai mencapai titik itu, pastilah aku sekali-kali tidak hendak kembali lagi." (Muhammad Iqbal, 1988:177)

Berdasarkan petikan Iqbal tersebut, Kuntowijoyo melihat bahawa Nabi Muhammad SAW telah sampai ke makam yang tertinggi yang diimpikan oleh seorang ahli sufi iaitu berada di makam yang tertinggi di sisi Tuhan ketika berlakunya mi'raj, namun baginda kembali semula ke dunia demi melaksanakan tugas-tugas kerasulannya (2004:15). Pemahaman Kuntowijoyo terhadap tulisan Iqbal itu diperjelaskan di dalam bukunya, *Paradigma Islam: Interpretasi untuk Aksi* sebagaimana berikut:

... Seandainya Nabi itu seorang mistikus atau sufi, kata Iqbal, tentu beliau tidak ingin kembali ke bumi, kerana telah merasa tenteram bertemu dengan Tuhan dan berada di sisi-Nya. Nabi kembali ke bumi untuk menggerakkan perubahan sosial, untuk mengubah jalannya sejarah. Beliau memulai suatu transformasi sosial budaya, berdasarkan cita-cita profetik. (Kuntowijoyo, 1991:289)

Oleh yang demikian, gagasan ini dinamakan Sastra Profetik lantaran perkataan "profetik" atau dalam bahasa Inggeris disebut "prophet" yang bermaksud nabi. Kuntowijoyo menegaskan (2006:8), Sastra Profetik merupakan satu pendekatan yang ingin meniru perbuatan Nabi dalam melaksanakan tanggungjawabnya iaitu menyampaikan wahyu daripada Allah kepada manusia. Dalam buku terakhirnya berjudul *Maklumat Sastra Profetik* (2006) yang merumuskan keseluruhan gagasannya, Kuntowijoyo menyenaraikan tiga etika yang menjadi asas kepada Sastra Profetik (Kuntowijoyo, 2006:8). Sekiranya idea tercetusnya Sastra Profetik berpunca daripada pemikiran penyair Iqbal sebagaimana yang dinyatakan terdahulu; tiga Etika Profetik pula, menurut Kuntowijoyo, ditemuinya dalam al-Quran menerusi ayat yang terjemahannya sebagaimana berikut: Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk (faedah) manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah kemungkaran, dan beriman kepada Allah.

Dalam ayat yang membicarakan tentang *khayra ummah* (umat terbaik) itu, Kuntowijoyo menemukan tiga muatan nilai atau etika yang menjadi inti pati utamanya, yaitu *amar makruf* yang bermaksud menyuruh kepada kebaikan, *nahi mungkar* yang bermaksud mencegah kemungkaran, dan *al-Iman billah* yang bermaksud keimanan kepada Allah. Pandangan Kuntowijoyo berkaitan Etika Profetik itu sejajar dengan Imam Abu Hamid al-Ghazali yang berpendapat “bahawa amar ma’ruf dan nahi mungkar adalah kutub utama dalam agama. Kerana kepentingannya itulah Allah mengutus para nabi”.

Amar makruf bukan sekadar seruan moral, tetapi juga merangkumi usaha untuk membentuk manusia agar hidup berlandaskan nilai kemanusiaan, keadilan, dan kebaikan sejagat. Amar makruf merupakan prinsip utama dalam ajaran Islam yang disekalikan dengan nahi mungkar dan beriman kepada Allah SWT. Ketiga-tiga inilah yang membentuk prinsip teras dalam ajaran kenabian (Hendar, 2023). Ketiga-tiga elemen ini turut penting dalam konsep maqasid al-Syariah, iaitu tujuan agung syariat Islam yang menekankan keseimbangan antara kehendak Ilahi dan keperluan manusia dalam kehidupan seharian (Mohamed Azmi et al., 2019).

Berdasarkan pemahaman Kuntowijoyo terhadap ayat 110 Surah Ali Imran juga, beliau memadankan sekali gus menyesuaikan ketiga-tiga etika itu kepada tiga istilah moden iaitu; i) amar makruf kepada *humanisasi*; ii) nahi mungkar kepada *liberasi*; dan iii) *tu’minuna billah* (al-Iman billah) kepada *transendensi*, sebagaimana yang diperjelasannya dalam petikan di bawah:

Tentu saja, ayat ini berlaku umum, tidak saja untuk kesenian, tetapi juga untuk kebudayaan, politik dan sebagainya. Ayat ini kita sebut profetik, karena tugas Rasul ialah untuk menyelamatkan manusia, tidak untuk keselamatan dirinya sendiri. Mari kita tafsirkan ayat ini dengan bahasa *kontemporer* supaya lebih mudah dipahami, lebih luas jangkauannya, dan sekaligus lebih spesifik, *yaitu humanisasi* untuk amar ma’ruf, *liberasi* untuk nahi mungkar, dan *transendensi* untuk *tu’minuna billah*. (Kuntowijoyo, 2001:152)

Berdasarkan hujah di atas, jelaslah bahawa gagasan ini ditunjangi oleh tiga Etika Profetik iaitu *humanisasi*, *liberasi* dan *transendensi*. Penyesuaian istilah-istilah moden tersebut juga sengaja dikemukakan oleh Kuntowijoyo agar mudah untuk difahami, diuraikan, dan diperincikan kepada khalayak sastera. Kuntowijoyo turut menegaskan, “Dalam Islam, sejumlah agenda baru diperlukan supaya agama “sesuai” dengan perubahan-perubahan, *yaitu* supaya unsur *muamalahnya* tidak ketinggalan zaman.” (2001:21). Pandangan ini bertepatan dengan Aslati et al. (2024) yang membawa hujah bahawa kemunculan pelbagai fenomena dan cabaran hukum memerlukan jalan penyelesaian. Sebahagian daripadanya tidak diperincikan secara langsung dalam kerangka fiqah yang sedia ada. Oleh itu, ijtihad kontemporari menjadi suatu keperluan penting bagi merungkaikan pelbagai isu semasa.

Perbincangan berkaitan gagasan Sastera Profetik jauh lebih mendalam daripada apa yang dikemukakan dalam makalah ini. Walau bagaimanapun, bahagian ini akan menjelaskan secara ringkas tiga Etika Profetik yang menunjangi gagasan Sastera Profetik. Etika Profetik yang pertama iaitu *humanisasi* akan menumpukan kepada aspek amar makruf yang berperanan “mengajak manusia ke arah kebaikan atau kemanusiaan”. Bagi Kuntowijoyo, *humanisasi* bermaksud “memanusiakan” manusia, menghilangkan “kebendaan”, ketergantungan,

kekerasan dan kebencian daripada manusia (2001:364-365). Justeru tugas *humanisasi* selain mendorong ke arah kebajikan, serta memanusiakan kembali manusia. (2001:152)

Liberasi pula menurut Kuntowijoyo (2006:8) adalah nahi mungkar. Pentakrifan mudah dan ringkas Kuntowijoyo ini diperjelaskan oleh M. Fahmi (2005:124) yang menyatakan bahawa dalam bahasa ilmu, nahi mungkar bermaksud pembebasan dari kebodohan, kemiskinan, ataupun penindasan. Bagi Kuntowijoyo, *liberasi* merupakan etika yang paling penting daripada sejarah Rasulullah SAW. Namun begitu, etika berkenaan sering ditinggalkan dan dijaui oleh para seniman kerana mereka bimbang akan dilabel sebagai berhaluan kiri, radikal, fundamentalis dan sebagainya.

Selanjutnya, etika paling utama menurut Kuntowijoyo ialah etika *transendensi*. Etika terakhir ini akan memfokuskan kepada aspek keimanan atau spiritual. Beliau berpandangan *transendensi* boleh memainkan peranan utama dalam menghadapi dunia moden iaitu dengan memanusiakan teknologi. Sementara spiritual dalam Islam merujuk kepada Rukun Iman yang terdiri daripada enam perkara iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada para Malaikat, beriman kepada kitab-kitab-Nya, beriman kepada para Rasul-Nya, beriman kepada Hari Kiamat, dan beriman kepada ketentuan qadha' dan qadar-Nya. Di samping itu, dalam menerapkan *transendensi* sebagai salah satu etika utama Sastra Profetik, Kuntowijoyo turut memilih pendekatan atau landasan sufisme untuk diangkat sebagai tema dalam karya. Hal ini ditegaskan oleh beliau sebagaimana dalam pernyataan berikut: "Dalam Islam *transendensi* itu akan berupa sufisme. Kandungan sufisme, seperti khauf (penuh rasa takut), raja' (sangat berharap), tawakkal (pasrah), qana'ah (menerima pemberian Tuhan), syukur, ikhlas, dan sebagainya adalah tema-tema dalam Sastra Transendental". (2006: 23)

Menurut Mohamad Yazid Abdul Majid (2017:54), jika merujuk kepada tiga Etika Profetik yang digariskan oleh Kuntowijoyo, ketiga-tiga etika itu pada hakikatnya merupakan dua hubungan atau *habl* yang saling terikat dan melengkapi antara satu sama lain. Dengan kata lain, *humanisasi* (amar makruf) dan *liberasi* (nahi mungkar) adalah *habl min al-Nas*, manakala *transendensi* (al-Iman billah) adalah *habl min Allah*. Justeru, *habl min Allah* mesti dilengkapi atau digandingkan dengan *habl min al-Nas*. Hanya dengan "menggabungkan" ketiga-tiga etika tersebut sekaligus menggandingkan *habl min Allah* dengan *habl min al-Nas*, barulah melayakkan sesebuah karya itu dianggap memiliki keutuhan atau *kaffah* (menyeluruh) dan boleh diperakukan sebagai "karya sastra Profetik".

Transendensi dalam *Advencer Si Peniup Ney*

Berdasarkan Laporan Panel Hakim Hadiah Sastra Kumpulan Utusan 2004 (2005: xxxiv), *Advencer Si Peniup Ney* digambarkan sebagaimana berikut:

"Dengan menentengahkan konsep *souti sarmad* sebagai satu kebalikan kepada konsep hedonisme, pengarang "menghidangkan" alunan *ney* (seruling) dan gerak ibadah *sema* yang bertujuan mengagungkan Ilahi. *Souti sarmad*, merujuk kepada ikrar manusia (segala makhluk bernyawa) dengan Tuhan Maha Pencipta untuk tidak *menyengutkan*-Nya. Sehubungan itu, karya ini secara halus mengusulkan prinsip dan pendekatan hiburan yang memenuhi konsep ibadah."

Justeru, apa yang dapat disimpulkan daripada laporan panel tersebut bahawa Faisal secara sengaja berhasrat mendorong pembaca ke arah pemantapan akidah dengan alegori yang dibinanya dalam novel *Advencer Si Peniup Ney*. Pengarang telah mencipta watak utama yang kuat iaitu Sulaiman Hilmi untuk menggerakkan naratifnya. Pengembaraan watak Sulaiman Hilmi ke negeri Fantasia bukan semata-mata untuk menyampaikan dakwah (amar makruf) atau mencegah kemungkaran yang lebih besar (nahi mungkar), bahkan mengukuhkan kembali pegangan akidah masyarakat di sana.

Dalam konteks penelitian terhadap *Advencer Si Peniup Ney* dengan menggunakan kerangka Sastera Profetik, dikesani bahawa terdapat beberapa ikhtiar pengarang menerapkan etika *transendensi* dalam naratif novel ini. Seperti yang dinyatakan lebih awal, *transendensi* menurut Kuntowijoyo menjurus kepada keimanan dan tasawuf, justeru makalah ini hanya memfokuskan aspek keimanan atau akidah sahaja.

Penerapan etika *transendensi* menerusi keimanan kepada Allah dapat diamati pada halaman-halaman awal novel tersebut sebagaimana berikut:

“Tetapi kita sama Tuhan dan Rasul, ustaz. Tuhan kami Allah, dan kami hanya memperakukan Muhammad sebagai pesuruh Allah. Allah yang Esa. Allah yang Maha Esa...” (Faisal Tehrani, 2005:4)

Menerusi dialog-dialog seperti ini, Faisal memanfaatkan perbualan antara dua makhluk yang berbeza – manusia dan jin – bagi menyampaikan pesan-pesan akidahnya dalam mengesakan Allah SWT. Dialog di atas berlaku di antara Ustaz Kamal dengan 40 ekor jin remaja yang turun ke Bumi semata-mata untuk meminta bantuan daripada manusia. Mereka memohon agar ‘dipinjamkan’ kepada mereka seorang pendakwah dalam kalangan manusia untuk pergi berdakwah dan melakukan islah di Fantasia. Dengan izin gurunya iaitu Ustaz Kamal, Ustaz Sulaiman Hilmi akhirnya mengikut kumpulan jin Islam remaja tersebut ke negeri mereka untuk berdakwah.

Meskipun berbeza sifat kejadian, namun Sulaiman tetap mencuba melaksanakan misi dakwahnya untuk mengislah generasi muda Fantasia yang sedang hanyut dalam gejala hedonisme melampau. Selain musibah hedonisme yang melanda generasi muda, Sulaiman juga mendapati bahawa Fantasia sedang diasak bencana kemurtadan dalam kalangan rakyatnya sebagaimana dalam perenggan berikut:

“Wajah sebenar yang sedang masuk menerjah remaja kami ialah kengerian yang lebih dahsyat lagi, ustaz.”

“Kemurtadan?” sangka Sulaiman.

Harun angguk. “Dua gejala tak terbendung dalam masyarakat - remajanya ditimpa bencana hedonisme, dan ditindih bahana kemurtadan. Tetapi untuk kembara ini, biar kami bawa ustaz untuk melihat gejala hedonisme sahaja dahulu”. (Faisal Tehrani, 2005:35)

Dalam petikan di atas, Faisal secara sedar meletakkan dua ancaman besar kepada umat Islam pada zaman moden iaitu hedonisme dan kemurtadan. Hedonisme yang dikaitkan dengan sikap atau pandangan hidup yang meletakkan keseronokan diri dan kepuasan pancaindera

sebagai nilai utama (Joshnloo, 2021). Riddah pula boleh difahami sebagai tindakan seseorang meninggalkan agamanya lalu beralih kepada agama atau doktrin lain sama ada melalui tutur kata atau perbuatan (Rokhmadi et al. 2023).

Secara alegorinya, dua gejala tersebut sedang begitu dahsyat melanda sebuah negeri jin; dalam pada masa yang sama pengarang menghantar mesej kepada pembaca bahawa negara-negara umat Islam kini dilanda dua gejala yang sama. Bermula dengan jarum-jarum hedonisme yang melalaikan umat Islam daripada mengingati Tuhan, akhirnya membawa kepada kefasadan, kesyirikan, dan kemurtadan.

Situasi sedemikian menambahkan lagi kezaman Sulaiman untuk berdakwah dan menyelamatkan akidah masyarakat jin di sana. Tugasnya bukan mudah lantaran negara Fantasia yang diperintah oleh Jin Bertindik Satu berpegang kepada doktrin yang tersendiri iaitu hedonisme. Sebarang bentuk pelanggaran doktrin anutan pemerintah akan dibasmi (2005:69). Namun Sulaiman melihat halangan-halangan itu sebagai cabarannya dalam berdakwah bagi mengembalikan keimanan ke dalam jiwa warga Fantasia.

Antara usaha yang dilakukan oleh Sulaiman dan pengikutnya termasuklah dengan membuka kelas vokal dan muzik dengan menjadikan *souti sarmad* sebagai slogan. Berbondong-bondonglah remaja dalam kalangan jin mendaftarkan diri untuk menyertai kelas yang dianggap aneh itu. Malah Raja Jin Bertindik Satu menghantar beberapa perisik untuk turut serta menyertai kuliah tersebut. Harus diingat sebarang ajaran yang melanggar doktrin negeri Fantasia iaitu fahaman hedonisme, akan segera dibanteras. Justeru, Sulaiman meneruskan misi *transendensinya* dengan penerapan unsur akidah menerusi muzik.

Asas paling dasar dalam kelas muzik Sulaiman ialah menyedarkan para remaja jin yang sudah dirasuk muzik Barat yang tidak senonoh itu kepada muzik yang mengandungi dua sifat Tuhan. Muzik Barat itu kalau direnungkan-renungkan memanglah tidak ada isinya. Muzik seumpama itu hanya mencapai satu tingkat, iaitu menyentuh nafsu paling rendah. Adapun muzik yang diajarkan oleh Sulaiman itu ialah sejenis muzik yang penuh dengan aspek Keagungan atau al-Jalal yang diterjemahkan dalam irama, dan aspek Keindahan atau al-Jamal yang dipancarkan pada melodi. Itulah duduknya kesaktian muzik. Mula-mula sekali itu yang mahu difahamkan oleh Sulaiman kepada para remaja jin. Ketiadaan al-Jalal dan al-Jamal dalam muzik, atau tidak terpancarnya dua hal di atas bermakna muzik itu memang sejenis muzik sakit. Al-Jalal dalam muzik bermakna menterjemahkan keagungan Allah secara falsafahnya dalam muzik yang berunsurkan kerohanian. Muzik yang agung itu mesti juga indah pada melodinya, iaitu menerapkan al-Jamal. Muzik yang keras dan bingit bukanlah muzik yang indah atau merdu. (Faisal Tehrani, 2005:69-70).

Meskipun berhadapan dengan sebuah masyarakat jin yang sedang dilanda kegilaan terhadap muzik Barat dan hiburan bernaftu rendah, namun Sulaiman tidak langsung bertindak membasmi dan menentang gejala hedonisme itu secara keras dan tegas; sebaliknya membawa alternatif kepada mereka dengan menawarkan *souti sarmad*. Menurut Faisal Tehrani dalam *Utusan Malaysia* (2005), “saya menawarkan konsep *souti sarmad* sebagai gantian. *Souti sarmad* secara asasnya adalah sebuah konsep budaya dan seni yang menyandarkan bidang hiburan khususnya, kembali kepada Allah bukan hiburan kosong semata-mata.”

Dalam novel *Advencer Si Peniup Ney*, pengarang menjelaskan lagi konsep *souti sarmad* menerusi Sulaiman sebagai alternatif sekali gus solusi kepada gejala kegilaan terhadap muzik Barat penduduk Fantasia:

“*Souti Sarmad* ialah muzik yang membawa kita kembali kepada destinasi akhir dalam kehidupan, iaitu Allah. Muzik menyadarkan kealpaan kita terhadap janji yang dimeterai dengan Pencipta kita bahawa kita hamba-Nya, dan sekadar penumpang sahaja di bumi milik-Nya. Jadi muzik ialah satu tenaga kerohanian yang mengajar dan membimbing pendengarnya. Muzik ialah penerangan nasihat, bukan dalam bentuk kata-kata, tetapi terus memagut hati kerana hatilah yang menampung ingatan kepada Tuhan.” (Faisal Tehrani, 2005:42)

Selanjutnya, watak Sulaiman turut melaksanakan misi *transendensinya* dalam bentuk sikap dan reaksi yang lahir daripada kebenciannya terhadap perkara mungkar. Ia dapat diperhatikan dalam usahanya menghindari godaan dan tipu muslihat jahat Puteri Simone. Iman yang teguh yang dimiliki oleh Sulaiman mampu menjadi perisai kepada segala ujian duniawi yang dihadapinya sehingga menyebabkan dia terhantar ke penjara.

“Sulaiman ini satu titah, aku nakkan kau, aku nakkan aku nakkan kau!” jerit Simone tanpa rasa malu lagi. Buat apa nak malu-malu, anak muda mesti tahu berseronok, bisik hatinya.

Sulaiman yang terkejut, amat tergamam, terketar dalam gentar dan debar menghindari diri, “Apakah ini tuan puteri? Ingatlah hukuman dan azab Allah. Sesungguhnya aku takut akan Tuhanku!” Separuh bertempik Sulaiman. Benar Simone ini sudah gila, fikirnya. (Faisal Tehrani, 2005:151)

Proses pembangunan dan pemodenan pesat yang berlaku di Malaysia telah membawa perubahan besar terhadap faktor sosio-demografi dan budaya dalam kalangan belia. Perubahan ini melahirkan pelbagai budaya serta subbudaya kontemporari yang memberi kesan kepada pembentukan dan perkembangan tingkah laku mereka. Seiring dengan itu, pengarang turut menyampaikan kritikan sosialnya terhadap gejala hedonisme yang mula berakar dalam masyarakat Islam ketika novel ini dihasilkan, termasuklah fenomena realiti televisyen yang ketika itu sedang melanda Malaysia (Hamzah et al., 2013). Hedonisme yang dikaitkan dengan sikap atau pandangan hidup yang meletakkan keseronokan diri dan kepuasan pancaindera sebagai nilai utama (Joshnloo, 2021).

Menurut Faisal (2005), Barat menggunakan kesenian seperti nyanyian untuk melemahkan nilai-nilai kekeluargaan Islam, menjadikan masyarakat lemah dan hilang tumpuan hidup." Dengan meminjam idea-idea pemikiran Malek Bennabi (1991) yang berpendapat, “Masalah sebenar umat Islam bukan kekurangan masalah, tetapi kegagalan untuk mengenal pasti 'ubat' - bukan sekadar mengeluh tentang demamnya”, Faisal berusaha mengajukan etika *transendensinya* menerusi watak Sulaiman Hilmi dengan menjentik kesedaran dan menawarkan alternatif kepada falsafah hiburan Barat yang menghapuskan prinsip dasar individu Muslim dengan merosakkan tumpuan akidahnya, melanggar sahsiahnya dan meruntuhkan pembangunan insan.

Kesimpulan

Makalah ini telah mengenal pasti bahawa novel Advencer Si Peniup Ney karya Faisal Tehrani menampilkan penerapan etika transendensi secara signifikan sebagaimana yang digariskan oleh Kuntowijoyo dalam gagasan Sastera Profetik. Penemuan utama memperlihatkan bagaimana unsur keimanan, khususnya dalam konteks pemurnian akidah dan pengukuhan hubungan habl min Allah, diterapkan melalui simbolisme alegori watak Sulaiman Hilmi serta pendekatan sufistik yang termanifestasi dalam konsep souti sarmad. Novel ini secara kreatif mengangkat dimensi spiritual dalam wacana hiburan Islami, menjadikannya sebagai wahana dakwah yang berkesan dan kontemporari.

Kekuatan utama artikel ini terletak pada penerapan kerangka teori yang bersesuaian dengan konteks kesusasteraan Islam semasa. Penggunaan gagasan Sastera Profetik memberikan dimensi baharu dalam memahami peranan karya kreatif sebagai instrumen penyebaran nilai, pengukuhan akidah serta peneguhan makna insani. Selain itu, fokus terhadap etika transendensi membuktikan keupayaan teks ini dalam menyampaikan mesej keagamaan secara halus dan bermakna, di samping menampilkan naratif yang sarat dengan elemen sufistik dan pengajaran kerohanian.

Namun begitu, analisis yang tertumpu kepada etika transendensi ini membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang menelusuri dua lagi etika utama dalam gagasan Sastera Profetik, iaitu etika manusiawi (amar makruf) dan etika pembebasan (nahi mungkar). Penelitian yang menyeluruh terhadap ketiga-tiga etika ini akan dapat memperkukuh lagi hujahan bahawa Advencer Si Peniup Ney bukan sekadar mengandungi nilai spiritual yang mendalam, bahkan berpotensi besar untuk dianggap sebagai karya sastera profetik yang bersifat menyeluruh (*kaffah*), sejajar dengan matlamat sastera Islami yang holistik. Dengan itu, makalah ini diharapkan dapat membuka ruang wacana lanjutan terhadap penerapan kerangka Sastera Profetik dalam kesusasteraan Melayu-Islam di rantau Nusantara.

Rujukan

- Abdul Hadi W.M. (1989). Pesantren tasawuf dan sastra. *Majalah Amanah*. September: 24
- Abdul Hadi W.M. (1992). Kembali ke akar tradisi sastra transendental dan kecenderungan sufistik kepengarangan di Indonesia. *Jurnal Ulumul Quran*. Jakarta: t.pt
- Andalas, E. F., & Sugiarti, S. (2024). Articulation of Islamic identity in Indonesian popular novels. *The International Journal of Literary Humanities*, 23(2), 157–173. <https://doi.org/10.18848/2327-7912/CGP/v23i02/157-173>
- Ani Awang. (2005, 16 Mei). Faisal Tehrani: Pemenang Utama HSKU 2004. *Utusan Malaysia*
- Aslati, Armi Agustar, Silawati, Arisman, & Siti Arafah. (2024). Utilizing science and Maqāṣid al-Sharī'ah in resolving contemporary issues of Islamic family law. *Al-Manāhij: Jurnal Kajian Hukum Islam*, 18(1), 17–36. <https://doi.org/10.24090/mnh.v18i1.10571>
- Besse Darmawati, Sri Kusuma Winahyu, Rehan Halilah Lubis, Herianah, Pradipta Nurhuda, & Amran Purba. (2024). Indigenous wisdom-based literature at Buru Island: Situation and need analysis for developing Indonesian teaching material. *International Journal of Language Education*, 8(2), 419–437. <https://doi.org/10.26858/ijole.v8i2.65002>
- Frolova, M. V. (2024). Indonesia, Islam, and literature: Phenomenal popularity of Sastra Islami.

- Vestnik of Saint Petersburg University. Asian and African Studies*, 16(2), 440–457.
<https://doi.org/10.21638/spbu13.2024.210>
- Hamzah, S. R., Suandi, T., Hamzah, A., & Tamam, E. (2013). Pengaruh rakan sebaya ke atas tingkah laku hedonistik belia IPT di Malaysia. *Sains Humanika*, 63(1), 17–23.
<https://doi.org/10.11113/sh.v63n1.140>
- Harun Nasution. (1973). *Falsafat dan Misticisme dalam Islam*. Jakarta: Bulan Bintang
- Hendar, J. (2023). Maqashid Sharia as the basis for decision making of corporate social responsibility based on a prophetic legal paradigm. *Prophetic Law Review*, 5(1), 104–125. <https://doi.org/10.20885/PLR.vol5.iss1.art6>
- Hodgett, S. (2021). Novels and narratives: The pursuit of forms and perceptive policymaking. In R. Rhodes & S. Hodgett (Eds.), *What political science can learn from the humanities*. Palgrave Macmillan. https://doi.org/10.1007/978-3-030-51697-0_4
- Joshanloo, M. (2021). There is no temporal relationship between hedonic values and life satisfaction: A longitudinal study spanning 13 years. *Journal of Research in Personality*, 93, 104125. <https://doi.org/10.1016/j.jrp.2021.104125>
- Kuntowijoyo. (1991). *Paradigma Islam: Interpretasi Untuk Aksi*. Bandung: Mizan
- Kuntowijoyo. (2001). *Muslim Tanpa Masjid*. Bandung: Mizan
- Kuntowijoyo. (2006). *Maklumat Sastra Profetik*. Yogyakarta: Grafindo Litera Media
- Laporan Panel Hakim Hadiah Sastera Kumpulan 2004. (2005). *Segala Yang Tercinta Ada Di Sana*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors
- M. Fahmi. (2005). *Islam Transendental: Menelusuri Jejak-Jejak Pemikiran Islam Kuntowijoyo*. Yogyakarta: Pilar Media.
- Malek Bennabi. (1991). *Islam dalam Sejarah dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Manuaba, I. B. P., Setijowati, A., Afdholy, N., Santoso, L., & Karyanto, P. (2024). *Unlocking the soul of Java: The role of ethnopoetics in shaping cultural and evolutionary narratives in East Javanese literature*. *Human Evolution*.
<https://doi.org/10.14673/HE2024121133>
- Mohamad Yazid Abdul Majid. (2017). *Etika Profetik dalam Novel Najib al-Kilani*.
- Mohamed Azmi, A. S., Hanif, N. R., Mahamood, S. M., & Mohd Ali, S. N. (2019). Synthesizing the Maqasid al-Syariah for the waqf property development. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 385, 012051. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/385/1/012051>
- Mohd Faizal Musa. (2005). *Advencer Si Peniup Ney*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd Faizal Musa. (2012). “Embun dalam Lamunan Puitis sebuah trilogi karya Shahnnon Ahmad: satu bacaan ‘transendental’ Kuntowijoyo” dalam *Pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Faizal Musa. (2012). *Wacana Sastera Islam di Malaysia dan Indonesia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Muhammad Iqbal. (1988). *Pembangunan Kembali Alam Pikiran Islam* (The reconstruction of religious thought in Islam). Batu Caves: Thinker’s Library
- Nathan, R. (2013). Why it matters: The value of literature as object of inquiry in qualitative research. *University of Toronto Quarterly*, 82(1), 72–86.

- <https://doi.org/10.3138/UTQ.82.1.72>
- Pooryazdanpanah, A., & Rezvani, G. A. (2023). A study of the social themes of poetry in the second period of the Afghan constitution (Case study: Poems of Abdul Ali Mostaghani, Mahmoud Tarzi, Qari Abdullah, Abdul Hadi Davi and Ludin). *Research in Contemporary World Literature*, 28(2), 413–432. <https://doi.org/10.22059/jor.2022.327788.2191>
- Roger Garaudy. (1986). *Mencari Agama Pada Abad XX: Wasiat Filsafat Roger Garaudy*. (Terj HM Rasjidi). Jakarta: Bulan Bintang.
- Rokhmadi, R., Khasan, M., Amin, N., & Baroroh, U. (2023). Understanding *riddah* in Islamic jurisprudence: Between textual interpretation and human rights. *HTS Teologiese Studies/Theological Studies*, 79(1), a8613. <https://doi.org/10.4102/hts.v79i1.8613>
- Salam, A., & Zamzuri, A. (2023). Spaces for literary production in New Order Indonesia and beyond. *3L: Language, Linguistics, Literature—The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 29(3). <https://doi.org/10.17576/3L-2023-2903-05>
- Sayid Qutb. (1994). *Ma 'alim fi al-Thariq (Petunjuk Sepanjang Jalan)*. Kuala Lumpur: Crescent News
- Siraj, F. M. (2019). Anti-democracy policy of the Indonesian “New Order” government on Islam in 1966–1987. *Journal of Al-Tamaddun*, 14(2), 75–87. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no2.7>
- Tesis kedoktoran. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Wan Anwar. (2007). *Kuntowijoyo: Karya dan Dunianya*. Jakarta: PT Grasindo.